

PM: UMNO kini semakin kukuh

UM 22 JUN 2009

KUALA LUMPUR 21 Jun — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan melepaskan jawatan itu Oktober ini menegaskan, UMNO kini semakin kukuh berbanding sebelumnya.

“Saya gembira kerana terdapat banyak sokongan kepada parti. Saya percaya (kekuatan) UMNO telah kembali seperti sedia kala,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 di sini hari ini.

Perhimpunan tiga hari itu adalah terakhir bagi Dr. Mahathir selaku presiden parti dan Perdana Menteri sebelum melepaskan kedua-dua jawatan itu.

Dr. Mahathir menjelaskan lagi:

“Saya yakin UMNO kini lebih kukuh sekarang kerana masa telah berjaya menjelaskan apa yang kita lakukan.”

Beliau berkata, pada pilihan raya umum 1999, rakyat tidak memahami tentang tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan.

Pada pilihan raya tersebut, isu pemecatan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi kempen pembangkang sehingga menyebabkan UMNO kehilangan banyak kerusi di kawasan orang Melayu.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, keadaan itu sudah berubah dan rakyat kini memahami kenapa tindakan itu diambil.

“Ketika saya menjadi Perdana Menteri, perkara pertama yang saya mahu buat ialah melakukan sesuatu tanpa menyebabkan sesiapa merasa marah tetapi saya terpaksa melakukannya... dan ia bukanlah pilihan saya.

“Apa yang saya lakukan (adalah) di bawah kuasa undang-undang. Jika kita melakukan sesuatu di luar undang-undang ia boleh ditakrifkan sebagai memanipulasi isu,” katanya.

Ditanya mengenai usaha merapatkan barisan dalam parti, Presiden UMNO itu berkata:

“Terdapat pemimpin yang meninggalkan parti dan kembali menyertai UMNO. Ku Li (Tengku Razaleigh Hamzah) dan timbalan saya iemerujuk kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi).

Mengenai kedudukan Anwar pula, beliau berkata:

“Anwar berada di dalam penjara. Jika parti mahu menerima beliau selepas saya telah meninggalkan UMNO, saya tidak mempunyai hak untuk mengatakan tidak.”

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata:

“Jika anda berada di dalam parti, anda perlu bekerja keras untuk parti tetapi jika anda berada di dalam parti dan memberi rasuah kepada ahli-ahli, saya tidak fikir ia akan menghasilkan kepimpinan yang baik.”

Perdana Menteri turut ditanya mengenai siapa yang akan mengisi kekosongan tempatnya sebagai Menteri Kewangan.

“Saya masih lagi menjadi Menteri Kewangan sehingga Oktober. Selepas itu, terpuanglah pada Perdana Menteri baru siapa yang akan dilantiknya.”

Ditanya mengenai ucapan penggulingannya yang banyak menyentuh mengenai putar belit Pas terhadap ajaran Islam, Dr. Mahathir mengaku ia ada kaitan dengan pilihan raya.

Bagaimanapun katanya, tanggungjawab untuk memaerbetulkan kekeliruan itu bukan ketika pilihan raya tetapi sepanjang masa kerana ramai orang Islam terkeliru dengan tafsiran Islam Pas.

“Kita bertanggungjawab memperbetulkan keadaan itu,” ujarnya.

Dr. Mahathir sekeh lagi menegaskan, Malaysia adalah memang sebuah negara Islam dan ia tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa.

“Kita tidak perlu memakai jubah atau berserban untuk kelihatan sebagai orang Arab. Kita adalah negara Islam...60 peratus rakyat adalah beragama Islam.” katanya.

Ditanya mesej yang ingin ditujukan kepada media asing pula, beliau meminta mereka membuat laporan yang benar mengenai negara ini.

Beliau berkata, jika dilihat daripada laporan media asing mengenai Malaysia sebelum ini termasuk soal rusuhan kaum, semuanya tidak tepat.

Dr. Mahathir juga hairan dengan dirinya sendiri apabila mampu menghabiskan ucapan penggulingan terakhirnya dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun ini tanpa menitikkan air mata.

Katanya, pada mulanya beliau merasa kuarir tidak dapat mengawal emosi tetapi akhirnya berjaya menyudahkan ucapan tanpa berasa sedih.

“Saya sentiasa tenang. Jika saya tidak tenang, tidak mungkin saya berupaya mengurus, mentadbir,” katanya.

Ditanya mengenai perasaan suka dukannya sepanjang herkhidmat selama 22 tahun, Dr. Mahathir menyatakan, kadangkala beliau menghadapi saat cemas dan sedih apabila berlaku sesuatu di dalam parti dan kerajaan.

“Dalam politik tiada keadaan yang sama, dalam politik kawan boleh menjadi lawan dan lawan menjadi kawan. Itu pengalaman saya, kadang-kadang saya sedih, lepas tu gembira, lepas itu sedih... ia macam pasaran saham,” ujarnya dalam nada berjenaka.

Mengenai perkara yang beliau akan rindui selepas bersara kelak, Dr. Mahathir berkata, ia adalah berkaitan peluangnya untuk memberikan penjelasan berkenaan kritikan-kritikan terhadap parti dan kerajaan.